

PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG
24 OGOS 2016
RABU



AKHBAR	TAJUK BERITA	M/S
KOSMO	PEMBINAAN FASA PERTAMA JHP BEJALAN LANCAR	2
BERITA HARIAN	PROGRAM WALKATON MERDEKA MERIAH	3
HARIAN METRO	PROJEK HALAL PIKAT PELABUR	4
HARIAN METRO	MUSLIHAT TAWAR LOLIPOP	5



KOSMO

Pembinaan fasa pertama JHP berjalan lancar

kegsmc 24/8/16

PASIR GUDANG - Projek pembangunan Industri Bio-Halal pertama di Malaysia, Johor Halal Park (JHP) bagi fasa pertama sedang berjalan lancar dan hampir 50 peratus pembinaan unit hampir disiapkan.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Mohd. Nor Abd. Salam berkata, projek yang membabitkan nilai pembangunan kasar (GDV) berjumlah RM200 juta itu akan melibatkan pembinaan 89 unit kilang dan 36 lot kedai dibina atas tanah seluas 23 hektar.

"Setelah kesemua unit di fasa pertama ini siap dibina, kita

akan memasuki fasa kedua iaitu proses penjualan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas menghadiri majlis pelancaran pejabat korporat dan galeri jualan Johor Halal Park di sini semalam.

Turut hadir Pengerusi UMLand J-Biotech Park, Tun Musa Hitam dan Pengarah Urusan Kumpulan United Malaysian Land Bhd., Dennis Ng Yew Khim.

JHP yang dibangunkan di atas tanah seluas 161 hektar dan melibatkan GDV berjumlah RML5 billion itu dijangka

siap sepenuhnya pada tahun 2020.

Mohd. Nor menjelaskan, JHP menarik minat pelabur dari beberapa buah negara yang mahu menembusi pasaran halal.

"China, Taiwan, Korea dan Turki merupakan antara beberapa buah negara yang menunjukkan minat untuk beroperasi di JHP," katanya.

MOHD. NOR (kanan) memberi penerangan mengenai pelan pembangunan fasa pertama JHP kepada Musa di Pasir Gudang semalam.



SINAR HARIAN

Sehati Sejiwa
HARI KEBANGSAAN 2016

Kibar Jalur Gemilang Program Walkaton Merdeka meriah

24/8/16

Warga emas turut ikuti perarakan bersama guru, murid

Alam di Pasir Gudang dekat sini, juga dihiasi Jalur Gemilang. Kandappan, 56, juga sentiasa hadir pada majlis berkaitan sambutan Hari Kemerdekaan dan terbaru beliau menyertai 761 murid dan guru Sekolah Kebangsaan (SK) Taman Desa Jaya, di sini, menyemarakkan sambutan ulang tahun kemerdekaan menerusi program Walkaton Merdeka.

Pada program itu, beliau berarak bersama murid dan guru menggunakan tiga kenderaan yang dihiasi Jalur Gemilang dan gambar Sultan Johor, Sultan Ibrahim Iskandar.

Kongsi bersama murid sekolah
Kandappan berkata, minat dan semangatnya menyambut Hari Kebangsaan turut dikongsi bersama murid sekolah, sekali gus dapat menyuburkan semangat kemerdekaan dalam jaya masyarakat Malaysia.

Oleh Nurul Amanina Suhaini
bhjb@bh.com.my

Johor Bahru

Kelibat M Kandappan sentiasa menjadi tumpuan setiap kali menyambut bulan kemerdekaan kerana beliau akan mengenakan pakaian dengan motif Jalur Gemilang, selain memandu kenderaan yang dihiasi wajah pemimpin negara. Malah, rumahnya di Taman Sri

(FOTO DAZAR SUARMAN/BH)

Guru dan murid Sekolah Kebangsaan Taman Desa Jaya memulakan perarakan mengibarkan Jalur Gemilang sempena Program Walkaton Merdeka di Johor Bahru, semalam.



HARIAN METRO

■ Dibangunkan
tujuh fasa bagi
bantu syarikat
tempatan,
luar negara

HM 24/8/16

Mohd Sabran Md Sani
sab@metro.com.my

Pasir Gudang

Projek Johor Halal Park (JHP) dengan nilai pembangunan kasar (GDV) RML5 bilion dibangunkan secara tujuh fasa di daerah ini giat menarik pelabur antarabangsa untuk menyertai taman perindustrian premium bio-halal pertama negara itu.

Ketua Pegawai Eksekutif UMLand J-Biotech Park Sdn Bhd (UJP) Mohd Noor Abd Salam berkata, dengan mengambil kira kedudukan Johor yang strategik selain JHP mempunyai ekosistem lengkap industri halal, ia memberi kelebihan dalam menarik pelabur ke pusat itu.

"Ketika ini, beberapa pelabur asing antaranya dari Singapura, Indonesia, Turki, Taiwan, Korea, Jepun dan Amerika Syarikat dalam



FAKTA
Pusat itu turut dilengkapi kemudahan logistik dan kawalan keselamatan

MUSA (kiri) dan Mohd Noor melihat model projek J-Biotech Park selepas perasmian pejabat korporat dan galeri jualan Johor Halal Park, semalam.

pelbagai sektor antaranya pemprosesan makanan dan kosmetik menunjukkan minat dalam projek ini.

"Saya yakin kemudahan yang ada di sini, terutama perkhidmatan makmal sains dan halal antarabangsa serta pusat pemasaran serantau, menjadi kelebihan dan tarikan pelabur ke pusat itu," katanya pada majlis pembukaan Pejabat Korporat dan

Galeri Jualan Johor Halal Park di Bandar Seri Alam, di sini, semalam.

Terdahulu majlis perasmian bangunan baru itu disempurnakan Pengerusi United Malayan Lan Bhd (UMLand) dan UJP Tun Musa Hitam.

Hadir sama, Pengarah Urusan Kumpulan UMLand Dennis Ng Yew Khim dan Ketua Pegawai Eksekutif

J-Biotech Wan Amir-Jeffery Wan Abdul Majid. Pembangunan Industri Bio-Halal Bersepadu pertama di Malaysia itu dimajukan secara bersama oleh UJP dan J-Biotech Holdings Sdn Bhd (J-Biotech) memabitkan kawasan seluas 141 hektar.

Beliau berkata, pusat itu turut dilengkapi kemudahan logistik dan kawalan kese-

lamatan yang terbaik bakal memanfaatkan pelabur di kawasan strategik berkenaan.

Katanya, projek strategik dibangunkan memabitkan tujuh fasa merangkumi pusat pemasaran serantau, unit kilang, pembangunan bercampur serta makmal bagi membantu syarikat tempatan dan luar negara terbahit dalam sektor halal.



HARIAN METRO

2 setempat

24-08-2016

Mary Victoria Dass
maryvictoria@hmetro.com.my

Pasir Gudang

“Kami tidak tahu apa niat lelaki itu, tetapi perbuatannya mencapai tangan anak saya dan cuba mengheretnya amat membimbangkan,” kata Hairani Adam, 28, mengenai van putih dinaiki individu tidak dikenali yang mendekati anaknya malam kelmarin.

Dalam kejadian jam 7.30 malam, perjalanan dua anaknya, Nur Sindi Antiqua Abdullah, 7, Nurul Hairianah, 9, dan anak saudara Nuradila Saiful Bahri, 8, dari surau di Jalan Gelam 5, Kampung Sungai Rinting C Masai di sini, bertukar mimpi ngeri.

Tiga lelaki menaiki van putih didakwa mengumpunkan kanak-kanak itu dengan gula-gula lolipop sebelum bertindak berani menarik seorang kumpulan kanak-kanak itu ke dalam kenderaan dinaiki dengan mendakwa mahu menghantar mereka pulang ke rumah.

Menceritakan kejadian itu, wanita berkata, kejadian berdepan van putih itu dimaklumkan anaknya yang hampir dilarikan.

“Anak saya menyatakan tiga lelaki dewasa berada di dalam van berkenaan dan menawarkan gula-gula lolipop.

“Seorang daripadanya

Muslihat tawar lolipop

■ Kanak-kanak balik surau nyaris dilarikan tiga lelaki dalam van putih

mengajak mereka masuk ke dalam van terbabit untuk dihantar pulang ke rumah, namun mereka enggan berbuat demikian,” katanya.

Hairani berkata, secara tiba-tiba, seorang lelaki mencapai tangan Nurul Hairianah dan cuba ditarik masuk ke dalam van.

“Mujur ada lelaki yang baru selesai solat lalu di situ. Kehadiran lelaki itu menyebabkan kumpulan lelaki yang menaiki van putih itu beredar,” katanya yang membuat laporan polis di di Balai Polis Seri Alam di sini, kelmarin.

Katanya, nombor pendaftaran van berkenaan difahamkan tidak jelas seolah-olah sengaja dihitamkan.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Seri Alam, Superintendan Johhiri Abd Aziz mengesahkan mene-

“**M**ujur ada lelaki yang baru selesai solat lalu di situ. Kehadiran lelaki itu menyebabkan kumpulan lelaki itu beredar”

Hairani Adam

rima laporan dan menjalankan siasatan.

Ketiga-tiga mangsa menerima kunjungan daripada Ketua Umno Cawangan Kampung Sungai Rinting, Suratmin Aiwee.

Suratmin berkata, orang ramai diminta tidak panik dan memberi ruang kepada siasatan polis.

Menurutnya, pihaknya juga menasihati semua penduduk dan kanak-kanak supaya sentiasa mengutamakan keselamatan.

NURUL Hairianah kini dalam keadaan selamat bersama ahli keluarga.

